

20 FEB 1998

PERDANA MENTERI AKHIRI LAWATAN DUA HARI KE SABAH

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berlepas ke ibu negara selepas mengakhiri lawatan dua hari ke Sabah.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berlepas dengan pesawat khas pada pukul 3.30 petang dari terminal lama lapangan terbang antarabangsa di sini.

Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee dan Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam adalah antara orang kenamaan yang berada di lapangan terbang itu bagi mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri.

Pagi tadi, Perdana Menteri telah merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Negeri di Auditorium Yayasan Sabah sebelum menyertai Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai untuk menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Negeri di Sembulan, dekat sini.

Semalam, Dr Mahathir telah melancarkan Institut Kemajuan Ekonomi Anak Negeri (INDEP) dan melakukan upacara pecah tanah tapak kilang besi Nusantara Steel Mill Sdn Bhd di Kudat. -- BERNAMA

NT NMO